



PERSATUAN PENDUDUK ADIRA TAMAN ARA SENDAYAN
(PPM -029-05-21072020)

844 Jalan Ara Sendayan 5/3, Taman Ara Sendayan, 70300, Negeri Sembilan
<https://adirasendayan.com> | info@adirasendayan.com

BORANG RAAS/BAKK/B01

BIL. _____ /20__

BORANG PEMAKLUMAN MENGADAKAN MAJLIS KERAIAN

Nama penduduk : _____

No. rumah : _____ Lorong: _____

No. telefon : _____

Nama majlis : _____

Tarikh majlis : _____ Masa: Dari _____ Hingga _____

Anggaran jumlah tetamu: _____ orang

Adakah majlis melibatkan pemasangan kanopi di atas jalan/lorong? **YA/TIDAK***

Jika YA, isi maklumat di bawah:

Jumlah kanopi : _____ Tarikh pasang kanopi: _____ Tarikh buka kanopi: _____

Perakuan

- Saya mengesahkan maklumat yang diberikan adalah benar.
- Saya akan memastikan majlis yang diadakan mematuhi peraturan perumahan seperti tidak mengganggu lalu lintas, tidak mengganggu ketenteraman penduduk lain, tidak mengotorkan kawasan, tidak merosakkan harta benda taman dan sebagainya.
- Saya memperakui jika terdapat pelanggaran peraturan perumahan, duit deposit saya tidak akan dikembalikan.
- Bersama-sama ini saya sertakan bayaran deposit sebanyak **RM50.00**

Tandatangan Pemohon

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN PERSATUAN PENDUDUK

Tarikh borang diterima:
Tarikh deposit diterima:
Tarikh deposit dikembalikan:
Catatan:

Diproses oleh:

Biro Aduan, Kebajikan dan Kemasyarakatan

Nama:
Tarikh:

*potong mana yang tidak berkenaan

GARIS PANDUAN MENGADAKAN MAJLIS KENDURI ATAU KERAIAN

1. Setiap penduduk yang ingin mengadakan sebarang majlis kenduri/keraian yang melibatkan sejumlah tetamu yang ramai, melibatkan pemasangan struktur di atas jalan/kawasan awam taman, melibatkan penutupan jalan dan penggunaan kawasan parking yang banyak perlu memaklumkan kepada pihak RAAS. Ini bertujuan untuk memantau para pelawat, membuat sebaran kepada penduduk lain dan koordinasi dengan pihak keselamatan (penyediaan pas pelawat, kawalan lalu lintas dan QR code pukal).
2. Pemakluman perlu dibuat kepada pihak RAAS dengan mengisi Borang Pemakluman Mengadakan Majlis Keraian (**BORANG RAAS/BAKK/B01**) selewat-lewatnya **sehari** sebelum tarikh majlis.
3. Bayaran deposit secara tunai sebanyak **RM50.00** perlu dikepilkan pada borang yang diisi dan hantar borang tersebut kepada **Biro Aduan, Kebajikan Dan Kemasyarakatan**.
4. Pemohon bertanggungjawab memastikan majlis yang diadakan mematuhi segala peraturan taman seperti tidak mengganggu lalu lintas, tidak mengganggu ketenteraman penduduk lain, tidak mengotorkan kawasan, tidak merosakkan harta benda taman dan sebagainya.
5. Masa yang dibenarkan untuk mengadakan majlis ialah sehingga jam 12 tengah malam. Aktiviti melebihi jam 12 tengah malam dibenarkan dengan syarat tidak mendatangkan gangguan dan bunyi bising hingga boleh mengganggu penduduk yang lain.
6. Biro-biro RAAS yang berkenaan akan memantau keadaan dan pematuhan terhadap peraturan taman sepanjang majlis berlangsung.
7. Biro Aduan, Kebajikan Dan Kemasyarakatan akan mengembalikan wang deposit RM50.00 setelah majlis selesai jika berpuas hati majlis yang diadakan telah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Jika sebaliknya, wang deposit tidak akan dikembalikan dan akan dimasukkan ke dalam akaun RAAS.
8. Garis panduan ini harus dibaca bersama dengan Peraturan Rumah RAAS.